KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA

REQUEST FOR PROPOSALS
TABUNG AMANAH KONSERVASI SUMBER ASLI NASIONAL (NCTF) BAGI TAHUN 2021

Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan khazanah biodiversiti perlu menguruskan sumber ini dengan baik untuk manfaat generasi kini dan akan datang. Begitu juga dengan hutan tropika yang perlu dipertahankan dan dipulihara serta dijaga sebagai satu *frontier* akhir untuk menjamin kesejahteraan kehidupan manusia sejagat.

Untuk meneruskan agenda menjamin kelestarian sumber ini, Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional (*National Conservation Trust Fund for Natural Resources* - NCTF) telah ditubuhkan pada tahun 2015 bagi membiayai pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan, pengurusan dan perlindungan sumber, kesedaran serta usaha-usaha konservasi. Semenjak ditubuhkan, Kementerian telah meluluskan 41 kajian di mana 17 kajian telah selesai dilaksanakan.

Bagi memastikan Tabung Amanah NCTF lebih menjurus kepada bidang fokus dan keutamaan berkaitan hutan dan biodiversiti, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan ini menjemput Jabatan dan Agensi Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta institut pengajian awam untuk mengemukakan permohonan pembiayaan di bawah Tabung Amanah NCTF bagi tahun 2021 (*Request for Proposals*) berkaitan bidang fokus seperti berikut:

a) penggunaan teknologi dan pendigitalan pengurusan hutan;
b) pemuliharaan spesies liar flora dan fauna selain harimau, termasuk kajian *non-detrimental findings* (NDF)*;*
c) kajian jumlah nilai ekonomi (*total economic value* - TEV) dan pembayaran untuk perkhidmatan ekosistem (*payment for ecosystem services* - PES);
d) pemuliharaan dan pengurusan ekosistem serta tapak ekologi penting termasuk kawasan ekopelancongan;

e) pengurusan dan pencalonan baharu kawasan berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti tapak-tapak Ramsar, *Man and Biosphere* (MAB) dan pengiktirafan geopark;

f) pemuliharaan biodiversiti marin dan perikanan darat; dan

g) pembangunan kapasiti dan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) untuk akses kepada sumber biologi serta perkongsian faedah (*Access and Benefit Sharing* - ABS).

1. Pemohon boleh memohon pembiayaan dana sehingga jumlah maksimum iaitu RM1,000,000 dengan tempoh projek antara 6 bulan hingga 2 tahun.

2. Permohonan *Request for Proposal* (RFP), dokumen-dokumen projek dan borang permohonan boleh diperoleh di portal NCTF (https://www.ketsa.gov.my/ms-my/teras/biodiversiti/NCTF/Pages/default.aspx) dan hendaklah dikemukakan kepada sekretariat NCTF sebelum **30 Jun 2021**.

3. Di samping itu, Kementerian juga mengalu-alukan sumbangan pihak bukan Kerajaan khususnya sektor swasta kepada tabung ini. Pihak-pihak yang ingin menyumbang kepada tabung amanah NCTF boleh berbuat demikian dengan menyalurkan peruntukan kepada akaun bernombor **160140010004397, Alliance Islamic Bank Berhad (Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli).**

Sekian, terima kasih.

YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

25 Januari 2021